

24 AUG 2002

Merdeka-Agama

ACARA KEAGAMAAN SEMPENA PERAYAAN BULAN KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Acara-acara keagamaan akan diadakan di seluruh negara oleh penganut pelbagai agama di negara ini sempena menyambut Perayaan Bulan Kemerdekaan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata program agama adalah tunggak kedua Perayaan Bulan Kemerdekaan selepas Kempen Kibar Jalur Gemilang.

"Semua agama diminta mengadakan acara keagamaan masing-masing untuk menyatakan kesyukuran mereka kepada keselamatan dan kemakmuran yang telah diperolehi serta meminta perlindungan dan kesejahteraan masa hadapan." katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata program keagamaan penting bagi memberi pendidikan mustahaknya rakyat bersyukur terhadap apa yang telah diperolehi dan dicapai demi kemakmuran dan kesejahteraan generasi sekarang dan akan datang.

"Generasi muda banyak yang tidak mengetahui dan tidak banyak didedahkan kepada semangat dan disiplin rakyat yang terdahulu," kata Abdul Kadir yang juga pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-45.

Abdul Kadir berkata semua agama akan mengadakan upacara keagamaan masing-masing pada tarikh yang ditetapkan berasaskan teks Khutbah Jumaat Khas dan Doa Kemerdekaan Khas dan kesemua teks-teks itu telah dihantar ke seluruh negara oleh agama masing-masing.

Bagi agama Islam, semua masjid di seluruh negara akan mengadakan sembahyang Jumaat dengan membaca Khutbah Khas Kemerdekaan dan disusuli dengan doa Kemerdekaan Khas pada 30 Ogos.

Bagi peringkat pusat, ianya akan diadakan di Masjid Negara dengan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet.

Di peringkat negeri, ianya akan diketuai oleh Sultan-Sultan, Yang Dipertua Negeri berserta Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri dan exco-exco negeri.

Bagi agama Kristian, upacara keagamaan akan diadakan di seluruh negara pada 25 Ogos manakala acara peringkat pusat dijadualkan di Gereja St. Mary, Dataran Merdeka bermula 9.30 pagi.

Untuk agama Sikh ianya akan diadakan pada 25 Ogos bermula 9 pagi manakala di peringkat pusat akan diadakan di Gudwara Temple, Jalan Haji Salleh, Sentul.

Agama Buddha pula, acara peringkat pusat akan diadakan di Buddhist Vihara, Jalan Brickfield bermula 24 Ogos jam 6.30 petang hingga 7 pagi 25 Ogos.

Bagi agama Hindu pula, upacara itu akan diadakan pada 30 Ogos bermula 7 malam di Kuil Sri Mahamariamman, Jalan Tun HS Lee di sini.

Acara keagamaan Taois akan diadakan di Chi Chai Kong Temple, Selayang Baru pada 25 Ogos bermula 8 malam.

-- BERNAMA

RV RV RHM